

Laluan Berkhutbah

Sebuah penerbitan Pusat Pengajian Lutheran di Seminari Teologi Sabah

Tema: Pengampunan

Pengampunan ialah keutamaan di dalam setiap mesej Kristian, namun begitu kita seringkali tidak jelas sepenuhnya apa yang kita maksudkan apabila kita berbincang mengenainya. Hampir kesemua perbincangan diantara

orang –orang Kristian adalah pengampunan adalah daripada rahmat Tuhan yang telah memaafkan kita kerana dosa-dosa kita. Apakah hubungan diantara Allah yang telah memaafkan kita dengan anugerahnya dan tanggungjawab kita untuk memaafkan orang lain? Di dalam Doa Tuhan Yesus mengatakan “dan ampunilah kesalahan kami seperti kami mengampuni

mereka yang bersalah terhadap kami.” Pastinya, ada sesuatu yang kita harapkan di dalam Perjanjian Baru adalah untuk memaafkan orang lain yang telah melakukan kesalahan terhadap mereka. tetapi adakah pengampunan itu bermaksud mengecualikan kelakuan –kelakuan yang tidak sopan atau melupakan perkara yang salah yang bertentangan terhadap kita?



Teks: Matius 5:21-26... (bersambung ke muka surat 2)

Ringkasan teks: Kothbah diatas Bukit di dalam buku Matius ini adalah tiga bab penuh tentang: Matius 5-7. Di dalam Bab 5, Yesus memulakannya dengan kebahagiaan yang sejati dan diikuti dengan menjadi garam dan terang. Selepas itu, Yesus beralih kepada persoalan-persoalan tentang hukum Allah, menegaskan bahawa dia datang bukan untuk menghapuskannya, tetapi untuk menggenapinya. Ini kemudiannya mengarah kepada enam pemberitahuan tentang “Kamu sudah mendengar ajaran tentang... tetapi Aku berkata kepada kamu.” Di dalam setiap perkataan ini, Yesus mem-perkatakan tentang hukum orang Yahudi awalnya (“kamu sudah mendengar ajaranNya...”), dan kemudian memberi tanggapan yang radikal tentang hukum tersebut (“Tetapi Aku berkata kepadamu...”) sekaligus menunjukkan tentang kesinambungan maksud kekudusan yang mana Tuhan telah memanggil kita untuk hidup bersamanya.



Teks: Persamaan yang pertama kita boleh lihat di dalam teks yang kita fokuskan: Matius 5:21-26.

Yesus membuat perbandingan tentang hukum bahawa seseorang tidak boleh membunuh beserta dengan arahan iaitu walaupun kita sangat marah terhadap seorang saudara atau saudari kita sudah cukup untuk menyebabkan kita dimasukkan ke neraka. Yang sebenarnya dia mengatakan bahawa Allah tidak berkenan menerima persembahan kita jika masih ada persengketaan diantara kita dan saudara kita lelaki dan perempuan. Oleh itu, kita harus berusaha untuk memperbaiki hubungan yang rosak itu sebelum kita mahu memuji dan menyembah Tuhan. Walau bagaimanapun, di bahagian kedua petikan ini, Yesus mengenalpasti tahap yang praktikal di mana hal tersebut sebenarnya dilakukan apabila marah terhadap seseorang. Ia adalah keadaan sebenar di dalam hubungan sesama manusia apabila kita merasa tidak puas hati dengan seseorang. Dengan memberikan contoh seperti ini, Yesus telah memberikan contoh yang munasabah iaitu kita tidak seharusnya terlalu mengikut perasaan marah kita dan menyebabkan sesebuah hubungan itu terjejas dengan teruk sehingga menyebabkan seseorang itu dipanggil ke mahkamah; apabila para hakim terlibat di dalam hubungan yang telah musnah dan undang-undang yang sebenar mengambil alih berbanding kasih.

Hukum:

Pada bahagian pertama di dalam teks ini, Yesus menegaskan bahawa sikap pemaarah itu tiada tempatnya di dalam kerajaan Allah. Kita harus melepaskan kemarahan kita dan belajar untuk memaafkan. Apabila seseorang mengkhianati kita atau bersalah terhadap kita di dalam beberapa hal, kita dengan mudahnya dipenuhi dengan sikap dendam. Kita sangat terluka dan marah apabila seseorang sanggup melakukan hal sebegitu terhadap kita, dan kita pun mula membalas dendam. Yesus berkata kepada kita bahawa tindakan kita untuk membalas kemarahan itu bukanlah sebahagian daripada Kerajaan Allah. Kita bertanggungjawab untuk setiap tindakan yang kita lakukan ketika kita marah. Sentiasa mencari peluang untuk membalas dendam terhadap seseorang adalah bukan sebahagian daripada visi

Yesus yang terlukis di dalam Kerajaan Allah. Untuk hidup mengikut ajaran Yesus bermaksud melepaskan semua kemarahan kita sekaligus. Oleh itu apa yang kita dapat daripada petikan ini yang pertama sekali adalah jika semua hubungan kita sesama manusia adalah benar, oleh itu tiada sebab untuk kita marah.

...(bersambung ke muka surat 3)

Injil:

Tema menyeluruh yang terdapat di dalam Khotbah diatas Bukit ialah kasih di dalam kehidupan. Kehidupan yang mempunyai kasih tidak dikawal oleh kemarahan dan perlunya sikap untuk membalas dendam. Hidup dalam kasih adalah kemampuan untuk memaafkan. Yang sebenarnya, apabila kita hidup bersama di dalam sebuah komuniti samaada keluarga kita, gereja, bandar, dan tempat-tempat lain yang berhubungkait, akanada waktu-waktunya apabila kita merasa sangat kecewa dengan satu sama lain.

Orang lain mungkin menyakiti hati kita samada secara sengaja atau tidak; malah ia mungkindisebabkan kita letih atau tertekan; kesilapan mungkin daripada kita sendiri atau orang lain ataupun kedua-duanya. Tetapi seperti kita telah diampuni di dalam Kristus, melalui Kristus kita didorong oleh kasih daripada kemarahan dan seterusnya mengatasi masalah ini melalui kemaafan dan bukannya pembalasan dendam. Kita melihat hikmat untuk memaafkan itu sudah diberikan, oleh Allah, atau diantara orang lain.





Hukum: ... (bersambung dari muka surat 2)

Selain daripada itu, jika kita bertindak ketika kita marah dan merosakkan hubungan dan bukan untuk membinanya, oleh itu, kita sendiri yang menyebabkan ke tidak kebenaran itu. Seringkali kita biarkan kemarahan kita dalam cara yang salah menyebabkan kita melakukan kesalahan kepada yang lain. Kita biarkan kemarahan mengawal kita daripada menyedarinya sebagai satu tanda amaran yang membolehkan kita sedar bahawa adanya masalah disitu. Kita mahu mencari cara untuk melepaskan kemarahan kita kepada orang lain dan dengan itu kita mula merasa puas hati dan menganggap diri kita adalah benar, sedangkan hal yang sebenarnya adalah kita mementingkan diri kita sendiri untuk mencuba menyembuhkan luka yang kita alami. Yesus memberitahu kita bahawa kemarahan boleh menjadi satu tanda kehancuran dalam diri dan juga dosa.

Transformasi: Di dalam maksud yang lain, Yesus mengatakan bahawa tiada tempat untuk kemarahan di dalam Kerajaan Allah, di dalam bahagian kedua dalam petikan ini Dia mengenalpasti bahawa pergumulan diantara setiap orang adalah kebenaran didalam kehidupan di dunia dan memberikan nasihat yang praktikal untuk menyelesaikan hal tersebut. Oleh sebab itu, kita harus melihat bahagian kedua di dalam teks ini sebagai cadangan perdamaian daripada menganggapnya sebagai satu arahan. Apabila Dia mengatakan dengan tinggalkan pemberianmu dan berdamailah dengan saudaramu dan tentang hal dengan orang yang menuduhmu ke mahkamah, Ini tidak seharusnya dikenali sebagai hukum tetapi sebagai proses kaunseling perdamaian. Hal ini bukan kerana



Allah tidak sanggup untuk menerima pemberian atau penyembahan kita apabila kita berhadapan dengan konflik dengan abang atau kakak kita. Malahan, ia kerana kita tidak mampu memberi dengan sepenuhnya apabila hati kita dipenuhi dengan kemarahan. Ia sangat sukar untuk bersikap mengasihi apabila hati kita dipenuhi dengan perasaan marah. Oleh itu untuk memberikan kesan yang mendalam dengan menetapkan hati kita kepada Allah. Pertama sekali, kita harus berhadapan

dengan kemarahan kita dan seterusnya memaafkan. Untuk melakukan ini bermaksud merendahkan diri sudah cukup untuk mengenal bahawa mungkin kita yang bersalah dan perlu dimaafkan. Bukan senang untuk melakukan hal seperti ini, tetapi lebih baik jika dengan penuh kerendahan hati mengakuinya daripada tiba di mahkamah dan mebiarkan hakim untuk menjatuhkan kita.

Hidup seperti pengikut Yesus tidak berkaitan dengan konflik-konflik atau penyebab-penyebab kepada kemarahan, tetapi kehidupan yang disertai oleh Roh Kudus adalah satu cara untuk memaafkan agar bebas daripada kuasa kemarahan yang menguasai diri sendiri. Kita melakukan ini dengan terus berhadapan dengan masalah tersebut, daripada hanya menyimpannya di dalam hati kita. Apabila kita biarkan ia disimpan di dalam hati kita, ia boleh menjadi racun di dalam diri kita. Ia mula membesar dan berubah menjadi dendam. ... (bersambung ke muka surat 4)



Transformasi: ... (bersambung dari muka surat 3)

Dendam yang kemudiannya menjauhkan kita daripada kerajaan Allah dan membiarkan kita tanpa pelindung dan dikuasai oleh kejahatan. Untuk menghentikan proses seperti ini daripada diambil alih oleh kemarahan dan dendam, kita harus mengenali isu tersebut serta merta. Jika hubungan kemanusiaan tidak betul dan ada kemarahan yang tersimpan di dalam hati kita, disebabkan itulah kita bersedia untuk hubungan kita dengan Allah juga betul. Oleh itu, daripada memberikan persembahan atau memuliakan Allah, kita harus mengambil langkah untuk membetulkan terlebih dahulu hubungan yang gagal. Kita dikuatkan dengan kuasa Roh Kudus untuk mengenalpasti penyebab pada kemarahan kita dan seterusnya mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang menjadi penyebabnya. Dengan mendengarkan itu, kita harus mencapai penyelesaian dengan orang yang menuduh kita ketika di dalam perjalanan ke mahkamah, kita boleh mendengar ini bahawa kita dikuatkan untuk membuka jalan untuk mengelakkan kejatuhan yang serius sehingga membuahkan dendam kepada satu dengan yang lain dengan memohon kemaafan sebelum hal tersebut berlanjutan.

Sekali lagi, nasihat perdamaian tidak seharusnya dilihat sebagai perintah yang kekal. Tetapi sebaliknya ia adalah sekilas pandangan terhadap apakah kehidupan yang dipenuhi dengan Roh Kudus. Untuk diri kita sendiri, secara semulajadinya kita berubah kepada sikap pemaarah untuk menyelesaikan pebezaan yang kita ada. Yesus memanggil kita melalui jalan yang berbeza, dan Roh Kudus lah yang bekerja di dalam kita dan menguatkan kita untuk mengambil jalan tersebut.

Refleksi Teologi:

Terdapat banyak budaya di Asia lebih suka berhadapan konflik dengan orang lain secara tidak langsung, tidak mahu melakukannya secara berhadapan. Walaupun ada nilai dan kebaikannya dengan melakukan hal-hal seperti ini, tetapi ada juga bahayanya dengan pendekatan ini. Bahaya yang boleh dilihat di sini, apabila perasaan terluka itu disimpan sehingga tiba satu ketika dimana semuanya dilepaskan. Seringkali apabila hal ini terjadi, ia mengakibatkan kesan yang mendalam terhadap diri kita berbanding dengan apa yang dirasakan oleh orang yang kita lepaskan kemarahan itu. Kita boleh mendengar sendiri daripada ajaran Yesus adalah nasihat untuk lebih berterus-terang dengan kekecewaan kita agar ia tidak berlarutan dan menjadi dendam dan tidak membalas dendam. Kemarahan dan dendam, penganiayaan demi penganiayaan, dosa demi dosa. Kemaafan membenarkan kasih untuk memecahkan putaran tersebut dan memulakan sesuatu yang baru. Ia memberikan satu permulaan yang baru.



Kita boleh mendengar sendiri daripada ajaran Yesus adalah nasihat untuk lebih berterus-terang dengan kekecewaan kita agar ia tidak berlarutan dan menjadi dendam dan tidak membalas dendam. Kemarahan dan dendam, penganiayaan demi penganiayaan, dosa demi dosa. Kemaafan membenarkan kasih untuk memecahkan putaran tersebut dan memulakan sesuatu yang baru. Ia memberikan satu permulaan yang baru.

Di dalam masa yang sama, pada awalnya, kemaafan bukanlah bermaksud mengecualikan tindakan yang menyebabkan kelukaan dan kemarahan. Ia tidak bermaksud kita dengan mudahnya melupakan kelukaan itu, ataupun membenarkan diri kita untuk berada dalam situasi yang sama untuk dilukai lagi. Tetapi yang sebenarnya, ia merupakan satu masalah apabila kita memberikan gambaran kemarahan itu sebagai sesuatu yang jahat atau berdosa. ... (bersambung ke muka surat 5)



Refleksi Teologi: ... (bersambung dari muka surat 4)

Malahan, kita juga melihat Yesus marah di rumah Ibadah. **Kemarahan itu sendiri bukanlah suatu dosa; malahan ia adalah tanda bahawa sesuatu hal itu adalah salah.** Ia adalah tindakbalas terhadap dosa, situasi yang tidak adil, pengkhianatan, atau apa sahaja perkara lain yang berkaitan dengan ketidakadilan di dalam hubungan sesama manusia. Seringkali petikan ini digunakan untuk mendesak seseorang yang merupakan mangsa harus membebaskan orang yang melukai mereka lepas dengan sebuah kemaafan yang murah. Sebagai contoh, di dalam pengalaman saya sebagai seorang pendeta, saya sudah melihat ramai wanita yang menjadi mangsa penderaan domestik. Para wanita ini merasa cemas untuk berbicara dengan pendeta mereka kerana mereka telah mendengar banyak kali bahawa mereka harus memaafkan orang yang menyakiti mereka sebab Yesus telah mengatakan demikian. Walaupun para wanita ini adalah individu yang menjadi mangsa, mereka diberitahu oleh gereja bahawa merekalah yang berdosa kerana mereka menjadi seorang yang pemarah dan tidak mampu memaafkan serta-merta mereka yang telah dilukai mereka. Kita harus mengawal hal kekeliruan teologi yang membahayakan orang lain dengan mengampuni pelaku jenayah daripada melepaskan tanggungjawab keatas tindakan mereka. Terlalu mudah perintah Yesus itu menjadi hal yang merosakkan kehidupan seseorang daripada seseorang yang memberikan kehidupan. Kemarahan



itu adalah tindak balas terhadap isu-isu seperti ini yang sebenarnya adalah tindak balas yang sesuai kerana kemarahan boleh membantu kita untuk menutup masalah-masalah dan dengan itu mereka boleh memperbaiki kesalahan mereka.

Kemaafan adalah satu pilihan, dikuatkan oleh Roh Kudus, untuk tidak membenarkan kesakitan yang lampau terus-menerus melukai kita. Ia adalah satu jawapan untuk putaran tentang kemarahan dan penganiayaan dengan kasih. Jika pihak yang lain tidak bersedia untuk mengambil bahagian untuk memecahkan putaran itu, kita tidak dapat memaksa mereka untuk melakukan hal tersebut tetapi kita juga tidak perlu memaksa diri kita untuk hidup terperangkap oleh kuasa kejahatan iaitu dendam dan penganiayaan. Kita hanya boleh membuang kemarahan dalam diri kita apabila kita sudah selamat daripada menjadi mangsa kemarahan orang lain yang melukai kita. tetapi, apabila kita sudah selamat, masa itulah kita boleh bersikap terbuka untuk penyembuhan daripada berterusan berada di dalam lingkaran yang melukakan. Ini bukanlah sesuatu yang biasa untuk kita - kita harus lebih mudah untuk menjawab dengan kepahitan dan kemarahan- tetapi ia adalah tanda bahawa Roh Kudus sedang bekerja untuk menyembuhkan kelukaan yang kita alami di dalam hidup kita.

... (bersambung ke muka surat 6)





Refleksi Teologi: ... (bersambung dari muka surat 5)

Kemarahan itu diperlukan untuk membantu melindungi diri kita apabila seseorang melakukan sesuatu terhadap kita, tetapi sekali kita telah mencapai tahap untuk mampu memaafkan ia bukan lagi mempunyai tujuan dan terus menghilang.

Apa kata para ahli teologi;

“ Ia adalah kerana anugerah kerana kita dibenarkan untuk menyenangkan saudara kita, dan membayar hutang-hutang kita kepadanya, ia adalah anugerah apabila kita dibenarkan untuk berdamai dengan dia.

Di dalam saudara kita, kita menemui hikmat sebelum kita duduk di kerusi penghakiman.”

Ahli teologi German Dietrich Bonhoeffer, *The Cost of Discipleship*, 130.

“Fakta tentang hukum untuk pembalasan dendam itu tidak menyelesaikan masalah-masalah sosial, manusia berterusan mengikuti panduan yang salah. Terdapat banyak sejarah yang berkaitan dengan kemusnahan bangsa dan individu yang mendorong kepada jalan untuk merosakkan diri sendiri.”

Pendeta Amerika dan ahli teologi Martin Luther King, Jr., *A Gift of Love*.

“Kemaafan bukan sesuatu yang menghapuskan kemarahan ataupun hukuman yang adil, dan pastinya bukan memberikan alasan kepada mereka yang tertindas dan menjadi mangsa. ...kemaafan menghapuskan perasaan marah dan mahu membalas dendam yang mengekalkan putaran penganiayaan.” Ahli Teologi Afrika Utara John W. DeGruchy, *Reconciliation: Restoring Justice*, 172.



Puji-pujian:

#197 Perbuatan setiap hari

#271 Dikenali sebagai orang Kristian

#347 Tuhan ampuni dosaku

Doa: Allah Bapa, kami adalah anak-anakMu. Berikanlah damai diantara orang-orangMu.

Ketika kami hampir jatuh, bantu kami untuk bangun semula. Apabila kami marah, bantu kami untuk mengatasinya, dan menyerahkannya kepada Mu untuk penyembuhan. Biarlah kemarahan itu dijadikan sebagai satu cara untuk permulaan dalam mengubah kehidupan. Kami berterima kasih untuk penyembuhan oleh kehadiran Roh KudusMu. Amen.



Tajuk : Penatalayanan

Apakah itu penatalayanan? Satu hal yang kita pasti bahawa semua yang kita miliki itu datangnya daripada Tuhan, dan dengan menggunakan kelebihan – kelebihan ini, untuk tujuan puji - pujian dan melayani Tuhan. Kita memainkan peranan sebagai pelayan – pelayan; orang yang menguruskan sesuatu tetapi tidak memilikinya – apabila kita memberikan persembahan kita kepada Tuhan. Pemberian-pemberian ini mungkin wang yang kita bagi di gereja, wang yang didermakan untuk tujuan amal, masa yang kita kongsi untuk membantu orang lain, cara hidup yang mengambil berat tentang ciptaan, menggunakan bakat yang ada untuk bekerja atau melayani, atau cara yang lain iaitu kehidupan yang baik untuk memuliakan Tuhan.

Ada beberapa cerita di dalam Alkitab tentang penatalayanan. Terdapat juga banyak cerita dan ayat-ayat tentang kemurahan hati. Mungkin cerita yang paling diketahui ramai adalah cerita tentang persembahan seorang janda (Markus 12:41-44, Lukas 21:1-4), yang mengingatkan kita bahawa kita hanya memberisebahagian (bukan pemberian yang sama rata tetapi persembahan yang sama) dan oleh sebab itu kita tidak sesekali menghakimi orang lain tentang banyak atau sedikit yang mampu mereka berikan.

Buah fikiran untuk memberi sebahagian itu datang daripada amalan persepuluhan, atau memberi persepuluhan, atau memberi 10% daripada pendapatan kita. Teks alkitab kita daripada Bilangan menunjukkan asalnya tentang hal-hal persepuluhan itu. Tetapi paling penting adalah kehidupan yang lebih baik adalah kita memberikan Tuhan bukan hanya 10% daripada wang kita, tetapi seluruh kehidupan kita.

Ditulis oleh Rev.
Wendolyn Trozzo,
Penyelaras
Jangkauan
Berjemaah untuk
Lutheran Study



Teks Kitab Injil: Bilangan 18:21-32

Teks ini adalah satu petikan yang menunjukkan sejarah alkitabiah tentang persepuluhan. Israel sedang mengatur semula kehidupan mereka selepas berabad lamanya dalam perhambaan. Kini mereka mempunyai sekumpulan puak yang terdiri daripada Guru agama yang bertanggungjawab untuk penyembahan dan juga “khemah perjumpaan”. Sebelum ini, persembahan kepada Allah adalah daging yang dibakar di atas altar – haruman yang menyenangkan hati Allah, dan juga pemahaman tentang persembahan adalah suci untuk menyenangkan hati Tuhan dan tidak mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu. Kini di dalam Bilangan 18, persembahan, 10 peratus daripada setiap hasil yang diterima, akan diberikan kepada Allah sebagai persembahan, dan ia juga digunakan untuk memberi makanan kepada para guru agama dan juga keluarga mereka. Ini adalah permulaan kepada pemberian yang digunakan untuk memenuhi keperluan sesebuah komuniti. - rumah beribadah, orang-orang yang melayani sebagai pendeta, dan setiap tahun yang ketiga, ada kutipan untuk orang-orang miskin (Ulangan 26:12)...(bersambung ke muka surat 7)



Teks Kitab Injil: Bilangan 18:21-32 ... (bersambung dari muka surat 7)

Petikan ini menunjukkan bagaimana penatalayanan dan persembahan berkemungkinan boleh berubah menjadi sesuatu yang bersifat “pengumpulan dana”. Sebelum ini, persembahan pada awalnya sungguh mudah dengan hanya melalui pembakaran; ia adalah pemberian yang kudus untuk Allah. Di dalam teks ini, kita melihat bahawa persembahan itu menjadi cukai komuniti yang bertujuan untuk memenuhi keperluan-keperluan tertentu. Sekarang, ketika persembahan kita boleh dianggap sebagai pemberian (diberi percuma) dan berguna kepada orang lain, kita harus mengambil berat tentang kelakuan kita terhadap persembahan dan penatalayanan. Semuanya diberikan dan melalui keperluan gereja yang sepatutnya, iaitu pada asalnya, adalah persembahan kepada Allah daripada hanya berfokus sepenuhnya kepada hal-hal bersifat duniawi.

Hukum / Injil / Transformasi

Hukum: bukan hadiah, tetapi tugas.

Terdapat dua tujuan dalam sejarah persepuluhan untuk orang Israel selepas meninggalkan Mesir: untuk memuji Allah dan untuk menjaga komuniti mereka. Ia merupakan kelebihan yang ada pada mereka untuk mengetahui beberapa jumlah yang seharusnya mereka berikan dan bukan memberi mengikut perasaan. Walau bagaimanapun pemberian adalah satu cukai, satu kewajipan. Persembahan bukan diberi secara percuma. Oleh sebab itu, jika kamu tidak memberi persepuluhan, kamu akan dikecualikan di dalam sesebuah komuniti. Tugas-tugas seperti ini sangat penting, dan ini mengingatkan kamu bahawa persembahan kamu itu boleh membuat satu perubahan. Walau bagaimanapun, ia juga boleh mendorong kepada sikap bermegah diri apabila memberi dan menyedari bahawa tiada sukacita atau satu hubungan di dalam pemberian untuk Allah. Ia juga mengubah peranan pendeta sebagai pemungut cukai (seperti mana beberapa pendeta masa kini yang merasakan seperti pengumpul dana atau ketua yang selalui merisaukan hal-hal yang berkaitan dengan wang.)

....(bersambung ke muka surat 9)

Injil: Anugerah: Persembahan sebagai satu cara untuk mendekati Tuhan.

Keinginan Tuhan untuk mempunyai hubungan yang baik dengan kita adalah satu berita baik, dan Allah memberikan kita hadiah yang berlimpah untuk membina semula hubungan tersebut. Allah menghantar Roh Kudus untuk memberikan dorongan dan membimbing kita, dan untuk mengampuni kita apabila kita terlepas peluang yang ada untuk menjadi seorang yang murah hati. Allah menghantar seorang ketua untuk kita yang boleh mengajar kita tentang melayani dengan sukacita: para pendeta, para penulis, para pemimpin yang luar biasa di antara para jemaat. Allah memberkati kita dengan kemahiran-kemahiran yang bagus untuk memudahkan kita mendapat pekerjaan yang sesuai atau tanah yang sesuai untuk dijadikan ladang, dan semua ini menyediakan wang yang kita boleh persembahkan semula kepada Tuhan. Apabila kita boleh mengingat kembali bahawa kita benar-benar memberi pada Tuhan, kita akan sentiasa mengkagumi begitu banyaknya Allah sudah sediakan dan memberikan pada kita dan bagaimana hebatnya bila kita boleh mendekati diri kita pada Tuhan melalui persembahan-persembahan kita.

....(bersambung ke muka surat 9)

Penatalayanan

Hukum:

...(bersambung dari muka surat 8)
Apabila sesebuah komuniti itu berkumpul bersama, keperluan-keperluan yang mereka ingini menjadi sangat jelas seperti bangunan-bangunan, kenderaan, peralatan pelbagai dan gaji. Bagaimana kita mahu mengelakkan perasaan seperti orang-orang “membayar untuk” masa mereka bersama Tuhan? Bagaimana kita dapat mengajak mereka untuk memberi dengan murah hati dan penuh sukacita, menuding jari, memalukan seseorang yang mendapati bahawa pemberian (masa, kemahiran atau wang) adalah sesuatu yang mencabar? Kita akan melihat tentang hal ini di dalam petikan bahawa pemberian itu adalah satu tugas, hukum, yang Allah mahukan daripada kita.



Injil:

...(bersambung dari muka surat 8)
Injil itu telah mengubah cara kita untuk beriman dan mendekatkan diri pada Tuhan melalui persepuluhan. Ia bukanlah lagi sebuah keperluan. Gereja tidak akan memberikan resit kepada jemaatnya. Tidak ada yuran kemasukan untuk berada dekat kepada Tuhan! Ini bermaksud, apabila situasi terlalu rumit untuk memberi, kita masih tetap dialu-alukan oleh Allah dan kekal berada di dalam sesebuah komuniti. Pemberian adalah satu tanda pemuridan, salah satu bahagian yang melengkapi kehidupan sebagai seorang Kristian. Dari keperluan yang berat untuk dipenuhi dan penderitaan yang kita alami jika tidak memberi, Yesus mengajar kita yang kita harus mempersembahkan apa yang sesuai dengan kemampuan kita. Daripada memberikan resit, kita bebas untuk memberi persepuluhan atau lebih daripada itu. Pemberian, daripada sebuah tugas kepada sebuah hal yang menggembirakan.

Transformasi: bertumbuh di dalam kepercayaan dalam perbuatan; pelayanan adalah pendirian untuk pemilikan- seperti gambaran Allah.

Memberi kepada Allah adalah satu tindakan untuk melepaskan sesuatu yang penting untuk kita iaitu wang. Wang sangat bermakna bagi kita: jaminan, reputasi, kemewahan, untuk bersukaria dan juga harapan. Tapi kita tidak sepatutnya menjadikan wang sebagai sesuatu yang kita puja: Allah yang lebih layak diberikan kepercayaan kita dan Allah sentiasa mengasihi kita. Apabila kita melepaskan wang, apabila kita serahkannya kepada Allah, kita mula mempraktikkan untuk mempercayakan Allah. Pada mulanya, ia agak sukar dan menakutkan untuk bersandar sepenuhnya kepada Allah. Kehidupan duniawi menjadikan kita seorang yang pengecut dan harus menjaga diri kita sendiri dahulu. Tetapi apabila kita berharap kepada Allah, seringkali Allah membuktikan kepada kita bahawa iman kita adalah benar. Kita bertumbuh di dalam pengharapan kepada Allah kerana pengalaman yang kita dapat melalui pemberian. Kita diubah daripada seorang pengecut kepada seorang yang berani; seorang yang tamak kepada seorang yang murah hati; seorang yang hipokrit kepada seorang yang menunjukkan teladan yang baik. Allah telah mengubah kita.

Penatalayanan

Kesaksian Rev. Wendolyn Trozzo

Saya sudah mendengar semua yang ia katakan, dan mengetahui ia adalah benar, yang apabila seseorang itu atau sesebuah keluarga itu sudah mula memberikan persepuluhan, mereka jarang sekali berhenti. Hal ini benar dan terjadi pada kami. Dan daripada hal tersebut, banyak kebaikan-kebaikan yang kami terima daripada tabiat untuk memberikan persepuluhan:

Kami mengira apa yang termasuk di dalam 10% daripada pendapatan kami dan memfokuskan juga persembahan kami, memastikan yang kami akan memberikan sekurang-kurangnya 10% itu. Kami tidak memikirkan berapa sepatutnya kami beri, ia sudah ditetapkan.

Kami telah belajar untuk meletakkan anggaran agar kami pasti persepuluhan kami itu dibayar penuh. Mempunyai anggaran seperti ini sesuatu yang hebat kerana kami dapat mengurangkan kebimbangan kami tentang kewangan dan untuk tabungan kami juga. Kami menggunakan aplikasi percuma yang dipanggil "Goodbudget.com" dan ini menjadikan kehidupan kami lebih bahagia – kami tahu sebenarnya jumlah wang yang kami ada untuk hal-hal lain seperti makan diluar dan juga permainan.

Kami sentiasa memberi. Setiap minggu kami akan memberi ketika beribadah, ditambah lagi apabila kami mendengar adanya keperluan-keperluan penting yang perlu dipenuhi, kami ada dana tersedia untuk didermakan. Perasaan itu sungguh indah apabila kita menjadi seorang yang pemurah.

Kami tahu bahawa kami memuliakan Allah melalui cara kami menggunakan masa kami, bakat kami, dan kewangan kami. Dompot kami dan kalendar kami adalah tanda kepada kehidupan yang beriman. Dan ada seseorang yang sentiasa memberi lebih daripada yang kami beri, jadi kami kekal dengan sikap merendah diri.

Saya kongsi cerita saya ini untuk memberikan galakan dan dorongan kepada yang lain untuk berusaha menaikkan % pemberian, bukan kerana saya mahu berbangga tentang itu tetapi kerana ia benar-benar telah memberkati keluarga kami.

Baca selanjutnya di:

http://www.christianbiblereference.org/faq_tithe.htm



Sebuah Amaran: Kadang kala kita mendengar khabar bahawa jika kita memberi, kita akan menerima lebih banyak berkat. Buah fikiran seperti ini jika saya masukkan RM1 sebagai persembahan, kemudiannya saya akan dapat RM10. Di dalam Alkitab juga mendorong kita untuk bersikap pemurah pada kekayaan kita dan juga masa kita.

Walau bagaimanapun, setiap hal yang berkaitan dengan kekayaan, kesihatan, tuah atau berkat-berkat yang lainnya akan berakhir dengan derma amal yang meragukan. Seringkali orang mengatakan bahawa keadaan kewangan mereka dalam kehidupan semakin bertambah baik selepas mereka mula memberi lebih tetapi sebenarnya seseorang individu itu mengatur kewangan lebih baik kerana mahu memberi – mengatur kewangan dengan baik menjadikan mereka lebih bijak dalam membuat keputusan dan lebih berdisiplin dan mengawal sikap berbelanja seseorang.



Apa kata para ahli teologi?

“Sejak bertahun –tahun yang lepas, saya meluangkan masa dengan menjemput orang-orang yang sudah lama beribadah bersama-sama kami dan telah menyumbang di dalam pelbagai cara dalam kehidupan mereka kepada para jemaat untuk menyertai, hanya bertanya, “ Apa yang akan saya dapat sebagai ahli yang saya tidak dapat sekarang?” Keahlian itu berkenaan dengan mendapatkan: pemuridan berkaitan dengan pemberian. Keahlian berkaitan dengan tarikh tamat tempoh; Pemuridan berkaitan dengan penatalayanan. Keahlian berkaitan dengan pemilikan di dalam kumpulan terpilih beserta dengan kelebihan-kelebihan dan hak-hak istimewa; Pemuridan adalah berkaitan dengan mengubah dan membentuk kehidupan dengan anugerah daripada Allah”.

-Michael W. Foss, Power Surge: Six Marks of Discipleship for a Changing Church.

(enam perkara tentang Pemuridan untuk perubahan Jemaat.)

Teks-teks yang berkaitan:

Persepuluhan: Kejadian 28:22, 1 Korintus 9:13-14, 1 Timotius 5:17-18. Kemurahan Hati: 2 Korintus 8:1-7 dan 9:6-7,

Efesus 3:1-3. Pemberian yang baik daripada Allah:

1 Tawarikh 29:10-14,

Penatalayanan sentiasa disebut di dalam keseluruhan teks kerana ia menunjukkan kebaikan Allah dan apa tindakan kita yang sepatutnya kita lakukan.



Puji-pujian:

#320 Penuhi cawanKu

#266 Nyawa hidup ya Tuhan

#302 Pakailah ku sebagai Pelita

Doa:

Tuhan Bapa, Engkaulah Pemberi semua hadiah yang baik. Semua yang kami ada adalah datang daripada Engkau. Bantu kami untuk menggunakan masa kami, bakat, dan harta untuk memuji Mu. Kami menyerahkan keseluruhan kehidupan kami, Tuhan; kami mengucapkan terima kasih dan bersyukur. Di dalam nama Yesus kami berdoa. Amin.